



AGRO

EDITOR : YAACOB ABDUL RAHIM

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 8302

FAKS : 03-20567083/7084



JUAL HIDUP-HIDUP

Ahmad Rabiul Zulkifli
rencana@hmetro.com.my

Hampir semua pasar di Malaysia menjual daging yang sudah siap disembelih dan dilapah. Sebut sahaja bahagian mana diingini, penjual akan memotong, menimbang dan

memasukkan ke dalam beg plastik.

Bagaimanapun, jangan terkejut jika berkunjung ke Manir, Kuala Terengganu, kerana 'pasar' di situ menjual ternakan hidup. Sama ada bebiri, kambing, lembu, kerbau, malah arnab, semuanya dijual hidup-hidup!

Lebih menarik, ada penduduk membawa pulang ternakan yang dibeli dengan menaiki motosikal.

Pasar Ternakan Hidup (PTH) di pekarangan Pusat Perkhidmatan Veterinar Manir yang beroperasi sejak 12 Ogos lalu itu adalah pertama diwujudkan di negara ini.



PASAR Ternakan Hidup menawarkan pelbagai pilihan.

TIADA ORANG TENGAH

Penternak
jual ternakan
secara terus
kepada
orang ramai
di PTH

NIAGA TANI DARI MUKA 1

Ini diwujudkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Negeri Terengganu berikutan penternak haiwan ruminan sering menghadapi kesukaran untuk memasarkan ternakan mereka secara hidup kepada pelanggan kerana ketiadaan tempat khas disediakan untuk rujukan berkenaan.

Kewujudan pasar berkenaan sekali gus membolehkan penternak menjual secara terus kepada pelanggan tanpa melalui orang tengah.

Hasilnya, harga ditawarkan lebih rendah berbanding pasaran, seterusnya membantu orang ramai membeli ternakan diminati.

PTH yang dijayakan bersama Persatuan Penternak Kambing Terengganu dan Persatuan Penternak Ruminan Negeri Terengganu itu mendapat sambutan menggalakkan menyebabkan JPV negeri berhasrat mengembangkannya ke



PEGAWAI veterinar memeriksa kambing yang akan dijual.

Kerteh dan Besut.

Pasar berkenaan yang beroperasi dari jam 8 pagi hingga 5 petang turut menjual produk berasaskan ternakan seperti susu kambing segar, aiskrim susu kambing, kambing bakar dan ayam goreng.

PTH menarik kedatangan pengunjung kerana ternakan yang dijual meliputi semua jenis baka haiwan ruminan yang diminati seperti baka kambing Farel, Boer, Jamnapari dan tenusu selain pelbagai baka lembu seperti Limousin, Charolais dan Blonde d'Aquitane.

Peserta, Mohd Fairuddin Makhtar, 24, dari Seberang Takir berkata, PTH secara tidak langsung memberi peluang kepada penternak menjual ternakan mereka kepada orang awam secara terus tanpa perantaraan orang tengah yang biasanya menyebabkan harga menjadi makin tinggi.

"Kami bersyukur kerana hasrat melihat kewujudan PTH akhirnya tertunai apabila JPV merealisasikan kewujudannya.

"Semestinya PTH memberi peluang kepada

kami memasarkan ternakan kerana sebelum ini penternak tidak mempunyai saluran untuk berbuat demikian," katanya.

Mohd Fairuddin yang mengambil alih penternakan lembu daripada ayahnya, Mukhtar Daud, 50, yakin perusahaan itu akan memberi keuntungan serta memiliki potensi untuk dikembangkan.

"Sebelum ini, saya sukar memasarkan lembu ditenak kerana ia baka Charolais, bukan baka biasa yang senang dijual kerana mempunyai permintaan harian.

"Kewujudan PTH memberi kemudahan kepada saya memperagakan ternakan, malah memberi peluang kepada orang awam melakukan urusan tawar-menawar secara terus. Jika masing-masing bersetuju, urusan jual beli akan dilakukan," katanya.

Penternak ayam dari Kampung Batu Burok, Mohd Hafiz Taib, 40, berkata, sebelum ini dia hanya menjual